



JABATAN PERDANA MENTERI

GARISPANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN KELUAR NEGERI BAGI RAKYAT DAN PENDUDUK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(TARIKH KEMASKINI: 20 MAC 2020)

PENDAHULUAN

1. Garispanduan permohonan kebenaran keluar negeri bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam adalah dikemaskini.
2. Tegahan keluar negeri telah mula dikuatkuasakan mulai pada 16 Mac 2020 bagi:
 - 1.1 Warganegara Negara Brunei Darussalam;
 - 1.2 Penduduk Tetap yang memegang Kad Pengenalan Ungu;
 - 1.3 Warganegara Asing yang memegang Kad Pengenalan Hijau dan pas imigresen yang sah; dan
 - 1.4 Suami/ Isteri dan anak kepada 1.1, 1.2 dan 1.3 yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam, yang memegang dokumen Sijil Pengenalan (*Certificate of Identity*).
2. Garispanduan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan syarat-syarat dan tatacara permohonan keluar negeri atas sebab-sebab yang tertentu untuk digunapakai dalam situasi global pandemik COVID-19.



JABATAN PERDANA MENTERI

PENILAIAN DI JABATAN PERDANA MENTERI

3. Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam adalah **ditegah** untuk keluar negeri **kecuali** bagi keadaan / tujuan yang mendesak antarlain seperti berikut:

A. MEMERLUKAN KEBENARAN JABATAN PERDANA MENTERI:

- 3.1 Keperluan untuk **menghadirkan diri di luar negeri bagi sebutan kes atau perbicaraan atas perintah mahkamah luar negeri** untuk menghadapi pertuduhan kes jenayah, atau sebagai saksi (merangkumi jenayah di bawah Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil) dengan pengesahan pihak berkenaan dalam atau luar negeri;
- 3.2 Keperluan untuk mendapatkan **perkhidmatan rawatan perubatan di luar negeri yang mendesak dengan pengesahan** pihak berkenaan dalam atau luar negeri;
- 3.3 Menyambung **sesi pengajian di luar negara dengan pengesahan** pihak berkenaan dalam atau luar negeri;
- 3.4 Warganegara dan penduduk Brunei (pemegang Kad Pengenalan Kuning, Ungu dan Hijau) yang **tinggal di luar Negara Brunei Darussalam dan berulang-alik untuk bekerja di negara ini melalui jalan darat** ATAU sesiapa yang **tinggal di negara ini dan berulang-alik untuk bekerja di luar negeri melalui jalan darat. Kebenaran selama sebulan sahaja** akan diberikan dan permohonan perlu dihadapkan semula jika perlu;



JABATAN PERDANA MENTERI

B. TIDAK PERLU DIPOHONKAN UNTUK KEBENARAN JABATAN PERDANA MENTERI:

- 3.5 Mana-mana **warganegara asing yang Pemegang Pas-Pas Imigresen tempoh tinggal yang pendek di negara ini dan bukannya pemegang kad pengenalan hijau** yang terdiri daripada Pas Lawatan, Pas Penuntut, Pas Profesional Visit, Business Visit yang hendak keluar negara dan pulang ke negara asal. Mereka ini hanyalah memerlukan menunjukkan tiket pulang ke negara asal sekiranya keluar melalui udara.
- 3.6 Mana-mana **warganegara asing yang mempunyai Pas Kerja yang akan ditamatkan kontreknya oleh majikan di negara ini dan hendak pulang ke negara asal** memadailah dapat menunjukkan bukti pembatalan Pas Kerja di pos-pos kawalan Negara Brunei Darussalam; dan
- 3.7 **Syarikat-syarikat yang berdaftar** di Negara Brunei Darussalam untuk **keluar masuk** dari negara ini bagi tujuan **perdagangan atau penghantaran barangan.**
4. Bagi menimbangkan permohonan keluar negeri atas alasan yang sangat mendesak dan yang munasabah, pihak Jabatan Perdana Menteri akan merujuk perkara ini kepada agensi-agensi yang berkepentingan bagi mendapatkan sebarang pandangan dan sokongan mengenainya, jika perlu.



JABATAN PERDANA MENTERI

TATACARA MEMBUAT PERMOHONAN

5. Rakyat dan penduduk yang berhasrat untuk keluar negeri hendaklah memohon kebenaran dengan mengemel kepada travelapplication@jpm.gov.bn perkara-perkara berikut:
 - 5.1 Satu salinan Borang Permohonan Keluar Negeri mengikut kategori bersesuaian seperti berikut:

Borang A- Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam Termasuk Warga Asing yang Memegang Kad Pengenalan Hijau (Bukan Warga Perkhidmatan Awam dan Badan-Badan Berkanun; atau

Borang B- Bagi Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Awam dan Badan-Badan Berkanun.

Borang C- Bagi Syarikat Perniagaan.
 - 5.2 Lain-lain dokumen yang diperlukan dan disahkan oleh pihak-pihak yang tertentu sebelum dihadapkan kepada Jabatan Perdana Menteri (seperti di dalam Senarai Semak).
6. Permohonan hendaklah diemel dalam tempoh tidak kurang daripada **empat belas (14) hari** dari tarikh permohonan keluar negeri.



JABATAN PERDANA MENTERI

KHUSUS BAGI WARGA PERKHIDMATAN AWAM

7. Bagi warga Perkhidmatan Awam dan Badan-Badan Berkanun, permohonan keluar negeri hendaklah diteliti dan mendapat sokongan terlebih dahulu oleh Setiausaha Tetap Kementerian masing-masing atau Ketua Agensi berkenaan (bagi Badan-Badan Berkanun) sebelum dihadapkan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk kebenaran.

SETELAH MENDAPAT KEBENARAN

8. Setelah mendapat kebenaran, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang keluar negeri hendaklah mendaftar diri secara *online* di laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri melalui link: http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister_desc.aspx